

Bil. S 3

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH MEMPERUNTUKKAN DARIPADA KUMPULANWANG KEMAJUAN, 2001

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 20 haribulan Mei, 2000 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

SEKARANG, DARI ITU, menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraiian-ceraiian (3) dan (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2002.

Pengeluaran dan memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$1,000,000,000.00 dari Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
801	Pertanian	\$12,010,000.00
802	Perhutanan	\$10,549,000.00
803	Perikanan	\$12,080,800.00
804	Kemajuan Perusahaan	\$93,160,000.00
805	Perdagangan dan Kemajuan Usahawan	\$3,990,000.00
806	Pendidikan	\$55,390,000.00
807	Jalan Raya	\$81,651,000.00
808	Penerbangan Awam	\$13,120,000.00
809	Laut dan Pelabuhan	\$12,350,000.00
810	Elektrik	\$156,650,000.00
811	Telekom	\$67,049,000.00
812	Radio Televisyen Brunei	\$10,541,000.00
813	Perkhidmatan Pos	\$5,150,000.00
814	Perumahan Kerajaan	\$3,356,000.00
815	Perubatan dan Kesihatan	\$15,545,000.00
816	Kebersihan	\$9,300,000.00
817	Pembekalan Air	\$76,340,000.00
818	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	\$7,189,000.00
819	Bangunan Awam	\$76,864,000.00
820	Perumahan Negara	\$82,657,000.00
821	Hal Ehwal Ugama	\$2,700,000.00
822	Kajian Kemungkinan	\$8,770,000.00
823	Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi	\$51,000,000.00
824	Sumber Tenaga Manusia dan Sains dan Teknologi	\$47,655,000.00
825	ABDB Bolkliah	\$6,000,000.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
826	ABDB Penanjong	\$2,000,000.00
827	ABDB Muara	\$20,000,000.00
828	Projek Rampaian ABDB	\$23,000,000.00
829	Projek Pulau Muara Besar	\$5,000,000.00
830	Polis	\$10,850,000.00
831	Pengaliran Air	\$14,150,000.00
832	Simpanan Gagasan	\$3,933,200.00
		<u>\$1,000,000,000.00</u>

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 31 haribulan Disember, 2001 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**